

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah jaminan Kerajaan yang Perdana Menteri Malaysia tidak mempunyai risiko untuk ditangkap semasa lawatan rasmi ke Amerika Syarikat, berikutan siasatan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat ke atas dakwaan rasuah melibatkan YAB Perdana Menteri Malaysia.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di Pertua,

Sehingga kini tidak ada wakil Kerajaan Amerika Syarikat sama ada dari FBI atau Justice Department yang telah menghubungi Perdana Menteri berkaitan isu ini. YAB Perdana Menteri juga tidak menghadapi sebarang masalah semasa melakukan lawatan rasmi ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Sekian. Terima kasih.